



MAHASISWA UniSZA gembira menunjukkan anugerah yang diterima dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/ROSALINDA MD.SAID

## UniSZA cemerlang di PECIPTA

**KUALA TERENGGANU 16 Dis.** -

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) meraih empat pingat emas dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2015 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 4 hingga 6 Disember lalu.

Kejayaan kontinjen yang diketuai oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasinya (CRIM), Prof. Ir. Dr. Mohd Rizon Mohamed Juhari itu menempatkan UniSZA dalam kelompok universiti yang memperoleh pungutan pingat emas terbanyak.

Pingat emas diraih melalui Pengarah Institut Pengeluaran Pertanian dan Inovasi Makanan (Agropolis), Dr. Abdul Jamil Zakaria yang mempertaruhkan produk bahan alternatif bagi penanaman manakala Mohd. Hosni Rifin dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi pula menerusi Protorch iaitu beg galas dengan ciri-ciri tambahan

keselamatan.

Satu lagi pingat diperoleh melalui penyelidik dari Fakulti Informatik dan Komputeran, Azwa Abdul Aziz dengan perisian komputer untuk memantau serta memberi amaran kepada pengguna terhadap sebarang kecemasan di kawasan taman perumahan diikuti Dr. Ho Lee Hoon yang mengetengahkan snek makanan yang memberikan tenaga tambahan kepada pengguna.

Timbalan Naib Canselornya (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman dalam satu kenyataan memberitahu, melalui penyertaan itu, UniSZA turut meraih satu perak dan enam gangsa.

"Penyertaan dalam program seumpama itu amat penting untuk membuka peluang kepada para penyelidik bekerjasama dan saling bertukar idea bagi memantapkan hasil inovasi masing-masing agar lebih bermutu dan bernilai komersial.

"Usaha ini dapat direalisasikan dengan pengenalan geran pre-Comm yang dapat membantu penyelidik mengkomersialkan produk inovasi mereka," katanya.

Sementara itu, Universiti Terengganu Malaysia (UMT) pula memenangi emas tunggal daripada keseluruhan 15 produk penyelidikan yang dipertandingkan menerusi kejayaan Dr. Maisara Abdul Kadir yang menghasilkan produk BoG-pNA iaitu sebatian bagi mengesan wabak cirit-birit dan demam kepala.

Dua pingat perak diraih melalui Dr. Hasmizam Razali dan Dr. Tei Woo Chiat manakala pingat gangsa pula masing-masing menjadi milik Dr. Hasmizam Razali, Dr. Tei Woo Chiat, Prof. Madya Dr. Wan Mohd. Khairul Wan Mohamed Zin, Dr. Lam Su Shiung, Prof. Madya Dr. Mohd. Ikmar Nizam Mohamad Isa, Prof. Madya Dr. Hii Yii Siang, Prof. Madya Dr. Marina Hassan serta Dr. Sharifah Marzety Adibah Alsayed Mohamad.

Utusan Malaysia. Dlm Negeri, m/s 29

Akhtar bantanah: 17/12/2015. (khemis)